

VTLS untuk perkhidmatan perpustakaan lebih sistematik

UB 26/10/2011 B4

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

TIDAK dinafikan bahawa salah satu cara untuk menyediakan perkhidmatan terbaik dan sesuai dengan perubahan masa adalah dengan mengaplikasi perkembangan teknologi yang berlaku dalam perkhidmatan yang ditawarkan.

Justeru, Visionary Technology in Library Solution atau VTLS adalah penyelesaian inovatif dalam pengurusan perpustakaan untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pengguna.

Sinonim dengan panggilan 'gedung ilmu', rasionalnya menggunakan inovasi ini adalah jelas dari aspek peningkatan kualiti perkhidmatan sesebuah perpustakaan dan pada masa yang sama, mengukuhkan peranan dan produktiti seseorang pustakawan.

Menurut Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, pengemaskinian dan penggunaan teknologi terbaru mampu memastikan perkhidmatan yang disediakan oleh sesebuah



CENDERAKENANGAN...Kamaruzaman menerima cenderakenangan daripada Rukiah selepas merasmikan program terbabit.

institusi berupaya memenuhi kehendak dan keperluan pengguna.

Menyatakan universiti itu sentiasa komited mengemaskini teknologi yang digunakan, beliau berkata, teknologi ketika ini bukan lagi untuk kemewahan sebaliknya telah menjadi keperluan

meliputi aspek pendidikan, perubatan, biologi, seni, hiburan dan undang-undang.

Teknologi, katanya, akan meningkatkan kualiti, prestasi dan produktiviti sesebuah organisasi dan faktor itu juga menjadikan pihak pengurusan UMS amat menyokong usaha untuk

mengemaskini teknologi yang digunakan oleh perpustakaan universiti itu.

"Kami sentiasa menyokong usaha Perpustakaan UMS untuk menggunakan teknologi yang difikir perlu bagi memenuhi kehendak dan keperluan pengguna, sesuai dengan fungsinya sebagai pusat rujukan," katanya ketika merasmikan Seminar Pengguna VTLS di UMS, pada Isnin.

Selain UMS, seminar anjuran bersama UMS dan VTLS Technologies Sdn Bhd (VTSB) turut disertai wakil dari universiti, perpustakaan awam negeri dan syarikat-syarikat tempatan dalam negara selain universiti dan luar negara termasuk dari Brunei dan Nigeria.

Tambah beliau, inovasi dalam meningkatkan perkhidmatan perpustakaan termasuklah dari aspek rujukan secara digital meliputi bahan seperti teks, bunyi dan imej, dan penggunaan internet untuk mendapatkan maklumat. "Apatlah lagi ketika

ini, teknologi dan ekonomi merupakan dua aspek yang tidak boleh dipisahkan yang dijelaskan melalui perkembangan telekomunikasi, media massa, serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)," katanya.

Katanya, teknologi mengubah landskap penyediaan perkhidmatan di perpustakaan kepada kaedah yang lebih baik dan terbaru serta berteknologi seperti rujukan dalam talian, arahan, penyampaian dokumen, pinjaman mesra pengguna, pinjaman langsung dan pemulangan sendiri.

"Perkhidmatan digital, akses bank data percuma dan pemulangan selamat merupakan aspek penting kepada pembangunan perpustakaan," jelas Kamaruzaman.

Sementara itu, Ketua Pustakawan UMS, Dg Rukiah Ag Damit berkata, UMS adalah salah satu daripada 900 perpustakaan di dunia yang menggunakan sistem VTLS.

VTLS, katanya adalah penyelesaian secara inovatif kepada pengurusan perpustakaan untuk memenuhi keperluan pengguna dan sistem itu sudah digunakan sejak 2006.

Setahun kemudian, sistem itu yang pada mulanya masih 'klasik' kemudian diperbaharui kepada VIRTUA, sistem jaringan yang mesra pengguna dan menyediakan akses kepada sumber digital secara dalam talian.

Perolehan, pengkatalogan, edaran dan laporan atau statistik boleh diperolehi dan dimuat turun lebih cepat, mudah dan sistematik. Sistem ini telah meningkatkan produktiviti dan peranan pustakawan," katanya.

UMS ketika ini menggunakan Virtua Version 49.5 dan akan diperbaharui kepada versi 2010.



PENERANGAN...Kamaruzaman mendengar penerangan daripada salah seorang pustakawan ketika melawat pameran.